

Tambah ketinggian, lurus jalan elak banjir kilat



Banjir besar di daerah Kota Tinggi, Johor pada akhir 2006 dan awal 2007 menyebabkan penduduk di sekitar bandar termasuk di Taman Kota Jaya menanggung kerugian. Tindakan pencegahan diambil selepas itu seperti projek mendalamkan Sungai Johor, rasanya tidak mampu membendung masalah ini jika banjir besar melanda lagi. Apakah usaha konkrit dilakukan kerajaan bagi memastikan hanya kesan minimum ditanggung penduduk jika banjir berulang.

Ruzillah Ahmad
Kota Tinggi, Johor



Kerajaan menerusi pelbagai agensi dan jabatan sentiasa memandang serius isu banjir kilat yang melanda daerah Kota Tinggi dengan mengambil pelbagai langkah pencegahan awal. Berdasarkan pemerhatian saya ketika melawat pusat pemindahan sementara serta menghadiri mesyuarat tindakan, segala persiapan dari semua aspek lebih baik

pada masa kini berbanding sebelum ini.

Selain mendalamkan Sungai Johor dan beberapa anak sungai, agensi dan jabatan terbabit turut menambah ketinggian jalan serta meluruskan jalan yang dikenal pasti menjadi punca laluan air tidak sempurna sehingga menyebabkan banjir kilat.



*Rakyat di Kota Tinggi tidak perlu risau kerana **persediaan dan pemantauan sentiasa dilakukan kerajaan dan pihak berkuasa***

Berhubung tindakan selepas banjir, maklum balas pihak berkuasa amat cepat terutama penyediaan tempat pemindahan serta menyediakan bekalan makanan mencukupi. Kebanyakan mangsa yang ditempatkan berpuas hati dengan layanan pihak berkuasa seperti RELA, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Saya berharap, sebarang kebimbangan dapat disuarakan pada kami dan akan dipertimbangkan mengikut masalah dihadapi. Rakyat di Kota Tinggi tidak perlu risau kerana persediaan dan pemantauan sentiasa dilakukan kerajaan dan pihak berkuasa.

Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar
Ahli Parlimen Kota Tinggi